

**SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN
PERTANDINGAN PIDATO YAYASAN SELANGOR KALI KE-12 TAHUN 2021**

1. AM

- 1.1 Peraturan ini diterima pakai untuk Pertandingan Pidato Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris Yayasan Selangor Kali Ke-12 Tahun 2021.
- 1.2 Tafsiran peraturan ini ialah hak mutlak Pengerusi Jawatankuasa Pertandingan. Keputusan Pengerusi Jawatankuasa Pertandingan adalah muktamad.
- 1.3 Pengerusi Jawatankuasa Pertandingan mempunyai hak untuk meminda sebarang peraturan sebelum permulaan pertandingan sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Jawatankuasa.

2. STRUKTUR PERTANDINGAN

- 2.1 Pertandingan Pidato akan dijalankan menerusi dua kategori iaitu:
 - a. Bahasa Melayu; dan
 - b. Bahasa Inggeris.

3. PENYERTAAN

- 3.1 Pemidato mestilah murid sekolah peringkat menengah tingkatan 1 hingga tingkatan 5.
- 3.2 Yuran pertandingan setiap penyertaan ialah RM50 sahaja.

3.3 Yuran penyertaan hendaklah dilunaskan setelah mendapat pengesahan pendaftaran daripada penganjur dan sesegera mungkin sebelum pertandingan bermula iaitu selewat-lewatnya sebelum atau pada 26 November 2021.

3.4 Yuran penyertaan hendaklah dibayar ke dalam akaun bank berikut:

Nombor akaun : 0912012000329
Nama akaun : YAYASAN SELANGOR
Nama Bank : AMBANK
Rujukan : DPYS12
Maklumat Pembayaran : Nama Institusi

4. SISTEM PERTANDINGAN

4.1 Pertandingan pidato bagi kedua-dua kategori akan dilaksanakan dalam tiga pusingan iaitu pusingan saringan, pusingan separuh akhir (10 terbaik) dan pusingan akhir (5 terbaik).

4.2 Pusingan saringan berkehendakan semua peserta yang telah sah mendaftar pertandingan untuk menghantar **video rakaman berdurasi 5 minit** mengikut kriteria pemarkahan pidato yang ditetapkan.

4.3 Video rakaman pidato peserta hendaklah dimuat naik di akaun youtube masing-masing dan pautan video tersebut dikemukakan kepada penganjur di dalam *group* telegram peserta selewat-lewatnya pada **19 November 2021**.

4.4 Setelah pusingan saringan, sepuluh (10) orang pemidato yang mempunyai markah tertinggi akan layak untuk bertanding di peringkat separuh akhir.

- 4.5 Pertandingan separuh akhir akan diadakan secara langsung melalui platform Streamyard dan turut disiarkan untuk tatapan penonton di Youtube.
- 4.6 Pengundian nombor giliran bagi peserta peringkat separuh akhir akan dilaksanakan selepas sahaja pengumuman peserta yang layak ke peringkat separuh akhir dibuat oleh Ketua Hakim.
- 4.7 Semasa peringkat separuh akhir, pemidato dikehendaki menyampaikan pidato teks sahaja iaitu mereka diperuntukkan selama 7 minit mengikut kriteria pemarkahan pidato yang ditetapkan.
- 4.8 Setelah selesai pusingan separuh akhir, lima (5) orang pemidato yang mempunyai markah tertinggi akan layak untuk bertanding di peringkat akhir.
- 4.9 Pertandingan akhir juga akan diadakan secara langsung melalui platform Streamyard dan turut disiarkan untuk tatapan penonton di Youtube.
- 4.10 Pengundian nombor giliran bagi peserta peringkat akhir akan dilaksanakan selepas sahaja pengumuman peserta yang layak ke peringkat akhir dibuat oleh Ketua Hakim.
- 4.11 Semasa peringkat akhir, setiap pemidato diperuntukkan selama 7 minit untuk menyampaikan ucapan pidato. Sejurus tamat pidato teks, pidato spontan akan dijalankan iaitu sesi soal jawab antara pemidato dengan panel hakim.
- 4.12 Semasa sesi pidato spontan, para hakim akan bertanya soalan dan mengulangnya sebanyak dua kali sahaja. 30 saat diperuntukkan sebagai waktu persediaan tanpa perlu menulis sebarang teks. Pemidato dikehendaki menjawab soalan hakim selama 2 minit.

4.13 Bagi pidato teks loceng akan dibunyikan sekali setelah pemidato memulakan pidatonya. Loceng akan dibunyikan sekali pada minit terakhir menandakan masa berpidato berbaki satu minit. Loceng akan dibunyikan dua kali sebagai tanda masa berpidato telah tamat.

4.14 Bagi pidato spontan pula, loceng akan dibunyikan sekali setelah hakim bertanya soalnya kepada pemidato. Loceng akan dibunyikan dua kali setelah 30 saat masa persediaan tamat. Loceng akan dibunyikan sekali setelah pemidato memulakan pidato spontannya. Pada minit terakhir loceng akan dibunyikan sekali sebagai tanda masa berpidato berbaki seminit. Loceng akan dibunyikan dua kali sebagai tanda masa berpidato telah tamat.

5. PAKAIAN

5.1 Peserta hendaklah berpakaian formal atau tradisional semasa berpidato bagi setiap pusingan.

6. PEMARKAHAN

6.1 Markah penuh bagi pidato pusingan saringan ada separuh akhir ialah 100 markah. Markah penuh bagi pusingan akhir (pidato teks dan pidato spontan) ialah 150 markah. Kaedah pemarkahan berdasarkan kriteria berikut:

- a. Isi 40 Markah;
- b. Bahasa 35 Markah;
- c. Gaya 20 Markah;
- d. Etika 5 Markah; dan
- e. Pidato Spontan 50 Markah (pusingan akhir sahaja).

- 6.2 Isi dalam sesebuah pidato dinilai berdasarkan kesesuaian hujah/isu/isi yang disokong dengan contoh serta fakta yang padat, sahih, dan terkini.
- 6.3 Tiada jumlah isi ditetapkan untuk pidato teks dan ia bergantung kepada kesesuaian pemedato dalam menyampaikannya.
- 6.4 Penilaian bahasa mengambil kira penggunaan tatabahasa yang betul serta laras bahasa yang baik dan pelbagai.
- 6.5 Gaya pemedato hendaklah bersahaja dan spontan merangkumi nada suara yang sesuai, membujuk dan berkeyakinan.
- 6.6 Penilaian etika merangkumi adab pemedato dalam menyampaikan pidatonya. Bagi pemedato yang menggunakan teks ulangan (plagiarisme), markah akan dipotong dalam kriteria ini.
- 6.7 Pemarkahan pidato spontan mengambil kira secara keseluruhan pidato yang disampaikan. Tahap spontan, isi yang bernas serta mutu gaya yang baik diambil kira sebagai penilaian bagi pidato sesi ini.

7. TEMA PIDATO

- 7.1 Peserta diberi kebebasan untuk memilih tema pidato masing-masing. Tema bukanlah tajuk pidato dan peserta boleh membentuk apa-apa tajuk pidatonya berdasarkan tema ditetapkan.
- 7.2 Mana-mana peserta yang layak ke pusingan seterusnya boleh untuk kekal dengan tajuk pidatonya atau menukar tajuk/tema baharu. Penukaran tajuk/tema hendaklah dimaklumkan awal kepada Ketua Hakim semasa proses pengundian giliran dibuat.

7.3 Berikut merupakan tema pidato bagi DPYS12:

- 7.3.1 Ekonomi Baharu
- 7.3.2 Keluarga Malaysia
- 7.3.3 Kepelbagaian Budaya
- 7.3.4 Keamanan Sejagat
- 7.3.5 Sukan
- 7.3.6 Bahasa Melayu
- 7.3.7 Pemanasan Global
- 7.3.8 Sains dan Teknologi
- 7.3.9 Pendidikan
- 7.3.10 Kesihatan

8. RAYUAN

- 8.1 Semua bantahan hendaklah dikemukakan kepada Pengerusi Jawatankuasa Pertandingan secepat mungkin selepas selesai satu-satu sesi pusingan pidato.
- 8.2 Jika Pengerusi Jawatankuasa Pertandingan mendapati berlaku sebarang kesilapan atau kecacatan dalam pengendalian sesuatu pidato, usaha akan dibuat agar tidak ada mana- mana pihak yang terjejas.
- 8.3 Keputusan panel hakim adalah muktamad. Sebarang bantahan tidak akan dilayan melainkan ada kekhilafan dari panel hakim, keputusan tidak boleh diubah namun tindakan sewajarnya yang akan diambil pada individu hakim tersebut.